

28 NOV 1999

ASEAN-Malaysia

FILIPINA SOKONG CADANGAN MALAYSIA TUBUH TABUNG KEWANGAN ASIA

MANILA, 28 Nov (Bernama) -- Filipina hari ini menyokong cadangan Malaysia bagi penubuhan Tabung Kewangan Asia (AMF) sebagai sebahagian daripada usaha untuk mengekalkan kestabilan dan pertumbuhan ekonomi menuju ke alaf baru.

Ketika menyampaikan ucapan pada sidang kemuncak tidak formal Asean ketiga di sini, Presiden Joseph Estrada menarik perhatian kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana mencadangkan penubuhan AMF ketika Asean sedang mencari jalan untuk bergabung dengan ekonomi Asia yang lain.

"Estrada menyifatkan idea Dr Mahathir mengenai AMF sebagai langkah penting ke arah mewujudkan blok serantau yang baru, Kerjasama Ekonomi Asia Timur (EAEC).

Kumpulan baru itu akan berusaha untuk menggabungkan ekonomi Asean dengan ekonomi Jepun, China dan Korea Selatan dalam rangka kerjasama dan perbincangan.

Jepun, China dan Korea Selatan diwakili oleh ketua negara atau kerajaan dalam dialog tidak formal hari ini dengan pemimpin Asean yang mengandungi Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand, Laos, Myanmar, Vietnam dan Kemboja.

Estrada berkata AMF harus menjadi sebahagian daripada wawasan Asia Timur untuk mewujudkan pasaran bersama dan mata wang tunggal.

Estrada menggesa bagi integrasi ekonomi Asean ke dalam Asia timur seperti Jepun, China dan Korea Selatan sambil menarik perhatian kepada peningkatan jumlah perdagangan antara kedua-dua pihak.

Dalam konteks perdagangan, eksport Asean ke Asia timur meningkat sebanyak 37 peratus pada 1997 walaupun di tengah-tengah krisis pertukaran luar yang mencengkan kebanyakan ekonomi serantau, kata Estrada.

Beliau berkata Asia timur meliputi hampir satu perempat daripada jumlah eksport Asean dan mengatasi eksport ke Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah pada tahun itu.

Estrada memberi penghargaan kepada Jepun, China dan Korea Selatan atas usaha mereka membantu negara-negara Asean menangani masalah ekonomi yang disertai dengan krisis mata wang yang menyebabkan kadar faedah meningkat.

Beliau berterima kasih kepada Jepun kerana menyalurkan dana melebihi AS\$80 bilion kepada negara-negara Asean yang terkejut akibat krisis matawang dan juga kepada China kerana tidak menurunkan nilai mata wangnya.
NA030

Sementara itu, para pemimpin Asean meluluskan cadangan e-Asean yang menghubungkan semua 10 negara anggota ke arah meningkatkan integrasi ekonomi antara rantau.

Kelulusan itu ialah ekoran sesi selama 45 minit antara ketua-ketua dan kerajaan Asean dan pengusaha industri Teknologi Maklumat (IT) di rantau itu.

Bekas Setiausaha Luar Filipina Roberto Romulo, yang mengetuai kumpulan IT mengucapkan terima kasih kepada pemimpin Asean kerana menerima cadangan bagi projek itu.

Cadangan perdagangan e-Asean itu digariskan dalam rancangan tindakan 1998 semasa sidang kemuncak Asean di Hanoi, Vietnam.

Dalam pada itu, para pemimpin Asean juga bersetuju bahawa pemantauan yang lebih teliti perlu dalam sektor kewangan dan ekonomi bagi mengekalkan pertumbuhan Asean ke alaf baru.

Satu kenyataan sembilan muka yang dikeluarkan hari ini menggariskan hasil mesyuarat tidak rasmi Asean yang disertai dialog dengan ketua-ketua negara dan kerajaan Jepun, China dan Korea Selatan.

Para pemimpin Asean berkata mereka akan meneruskan usaha untuk meningkatkan iklim perdagangan Asean dan mewujudkan ketelusan serta melaksanakan reformasi korporat dan industri.

Mereka juga mengulangi komitmen untuk menghapuskan sekatan tarif di bawah perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) untuk memesatkan perdagangan dan pelaburan antara rantau.

-- BERNAMA

ALJ FAZ